

0883

U B529 AAB  
MAHATHIR - AKHBAR  
DARIPADA AHMAD REJAL ARBEE  
(1)

NEW YORK, 1 OKT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA MALAYSIA TIDAK AKAN MEMBIARKAN TULISAN-TULISAN BURUK MENGENAINYA DI AKHBAR-AKHBAR ANTARABANGSA WALAUPUN IA TERPAKSA +MENANGGUNG+ AKIBAT TINDAKANNYA.  
+ WALAUPUN KAMI SEBUAH NEGARA KECIL, KAMI AKAN TETAP BANGUN DAN MEMPERTAHAKAN DIRI.+

+ KAMI TIDAK AKAN TUNDUK KEPADA SESIAPA,+ KATANYA APABILA MENJAWAB SOALAN-SOALAN YANG DIKEMUKAKAN BERHUBUNG DENGAN PERINTAH MENINGGALKAN MALAYSIA YANG DIKELUARKAN KEPADA DUA WARTAWAN ASIAN WALL STREET JOURNAL DAN PENGHARAMAN AKHBAR ITU.

TERDAPAT BEBERAPA LAPORAN DAN KOMEN YANG BURUK TERUTAMA DALAM WALL STREET JOURNAL, AKHBAR INDUK ASIAN WALL STREET JOURNAL MENGENAI PERKARA ITU SEBELUM PERDANA MENTERI MENYAMPAIKAN UCAPAN DI PERSIDANGAN AGUNG BANGSA-BANGSA BERSATU DAN KEMPEN MENGGALAKKAN PELABURAN DI AMERIKA.

PADA HARI SELASA, THE NEW YORK TIMES MENYIARKAN SEBUAH RENCANA YANG DITUMPUKAN PADA APA YANG DIKATAKANNYA SEBAGAI KEMEROSOTAN DALAM KEBEBASAN AKHBAR DI MALAYSIA, SINGAPURA DAN INDONESIA DENGAN MENUMPUKAN KEPADA TINDAKAN MALAYSIA TERHADAP AWSJ.

LIDAH PENGARANG THE WALL STREET JOURNAL PADA HARI ISNIN JUGA MENUMPUKAN PADA PERKARA ITU. -- LAGI  
1042MST 01 10 86

D884

U B530 AAB  
MAHATHIR - AKHBAR 2 NEW YORK

PERDANA MENTERI DALAM UCAPAN SECARA SPONTAN KEPADA SEKUMPULAN KIRA-KIRA 200 AHLI PERNIAGAAN, PARA PENGUSAHA DAN BANKER AMERIKA DI HOTEL WALDORF ASTORIA PADA HARI SELASA, BERKATA SECARA BERJENAKA BAHAWA MALAYSIA TELAH MENDAPAT PERHATIAN AKHBAR ANTARABANGSA DALAM TEMPOH SEMINGGU LEPAS.

+ KAMI TELAH BERUSAHA TANPA BERJAYA LAMA SEBELUM INI TETAPI AKHIRNYA BERJAYA JUGA.+

KEJADIAN-KEJADIAN ITU JUGA TELAH MENARIK BEBERAPA WARTAWAN YANG SELALUNYA TIDAK BERMINAT DENGAN SEMINAR ATAU DIALOG SEMASA MAKAN TENGAH HARI.

THE WALL STREET JOURNAL DAN AWSJ MENGHANTAR WARTAWAN DAN EKSEKUTIFNYA KE MAJLIS MAKAN TENGAH HARI ITU BEGITU JUGA THE JOURNAL OF COMMERCE DAN BEBERAPA AGENSI BERITA LAIN.

PENGERUSI MAJLIS, ENCIK MAURICE GREENBURG, YANG JUGA PRESIDEN DAN KETUA EKSEKUTIF AMERICAN INTERNATIONAL GROUP INCORPORATED MENYEBUT BAHAWA MALAYSIA TELAH BANYAK DIKRITIK OLEH AKHBAR SEJAK KEBELAKANGAN DAN SAMA ADA PERDANA MENTERI AKAN MENGULAS. -- LAGI  
1050MST 01 10 86

D885

U B531 AAB  
MAHATHIR - AKHBAR 3 NEW YORK

DATUK SERI DR MAHATHIR MENERANGKAN DENGAN PANJANG LEBAR KEADAAN DI MALAYSIA UNTUK MENOLAK LAPORAN-LAPORAN DALAM BEBERAPA PENERBITAN ASING MENGENAI MALAYSIA YANG MEMBERI GAMBARAN BAHAWA NEGARA MENGHADAPI PELBAGAI MASALAH BESAR, MEMPUNYAI DASAR-DASAR YANG TIDAK DITERIMA OLEH RAKYAT TEMPATAN DAN ASING DAN BANYAK KEJADIAN RASUAH.

+ JIKA ANDA MEMBACA AKHBAR-AKHBAR ITU ANDA TIDAK AKAN MAHU DATANG KE MALAYSIA. ANDA AKAN FIKIR NEGARA INI TIDAK SELAMAT ATAU MERBAHAYA DAN TIDAK AKAN MELABUR.

+ TETAPI YANG SEBENARNYA NEGARA INI STABIL. KAMI TELAH AGAK BERJAYA,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR.

+ KAMI TERPAKSA BERHADAPAN DENGAN BANYAK LAPORAN SEPERTI ITU, PELBAGAI LAPORAN BURUK YANG DIADA-ADAKAN, BERAT SEBELAH DAN KOTOR.

+ KAMI TIDAK TAHU MENGAPA IA BERLAKU. ADA ORANG MENGATAKAN IA KERANA SIKAP SAYA YANG BERTERUS TERANG, KERANA SAYA MEMBERITAHU ORANG APA YANG SAYA FIKIRKAN TENTANG MEREKA.

+ SAYA RASA ITU MUNGKIN SATU SIKAP YANG MALANG BAGI PERDANA MENTERI. -- LAGI  
1052MST 01 10 86

D886

U B532 AAB  
MAHATHIR - AKHBAR 4 NEW YORK  
(I)

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MAKALAH MENGENAI MALAYSIA DISIARKAN TEPAT PADA MASA SEBELUM PERISTIWA TERTENTU KHUSUSNYA BILA ADA MESYUARAT YANG BOLEH MENYENTUH EKONOMI MALAYSIA.

BILA BANK PEMBANGUNAN ASIA (ADB) BERMESYUARAT DI MANILA SATU MAKALAH TERSIAR DALAM AWSJ YANG TIDAK ADIL KEPADA MENTERI KEWANGAN MENUDUH BELIAU DENGAN PELBAGAI JENIS JENYAH TANPA BUKTI.

SEJURUS SEBELUM MESYUARAT IMF DI WASHINGTON BARU-BARU INI, SATU LAGI MAKALAH DISIARKAN MENUDUH MENTERI KEWANGAN MELAKUKAN URUSNIAGA TERTENTU, TENTANG HUBUNGANNYA DENGAN PERDANA MENTERI DAN BAGAIMANA BELIAU DIPILIH MENJADI MENTERI KEWANGAN.

KALI INI SEJURUS SEBELUM PERHIMPUNAN AGUNG BANGSA-BANGSA BERSATU DAN SEMINAR PELABURAN ANJURAN LEMBAGA KEMAJUAN PERINDUSTRIAN MALAYSIA (MIDA), THE WALL STREET JOURNAL MENYIARKAN BEBERAPA MAKALAH YANG BERNIAT BURUK TERMASUK BERITA MENGENAI CAMPURTANGAN MALAYSIA DALAM PASARAN TIMAH.

+ KAMI CAMPURTANGAN KERANA TERDAPAT USAHA UNTUK MENURUNKAN LAGI HARGA TIMAH OLEH PARA ANGGOTA LME.+

BELIAU BERKATA CAMPURTANGAN KERAJAAN DALAM OPERASI PASARAN SEUMPAMA ITU BUKANLAH SESUATU YANG BARU. BANYAK KERAJAAN TELAH BERBUAT DEMIKIAN BAGI MELINDUNGI KEPENTINGAN MEREKA SEPERTI DALAM OPERASI MATAWANG. - LAGI.

1055MST 01 10 86

U B535 AAB  
MAHATHIR - AKHBAR 5 NEW YORK  
(I)

MALAYSIA TELAH JUGA BERBUAT DEMIKIAN BILA BANK TERTENTU BERUSAHA MENURUNKAN NILAINYA DAN +KAMI CAMPURTANGAN BAGI MENYOKONG RINGGIT.+  
+ JADI CAMPURTANGAN PASARAN ADALAH PERKARA BIASA. TETAPI APA YANG MEREKA TULIS OLEH KERANA KERAJAAN CAMPURTANGAN, IANYA SALAH. DAN ANDAIAN DIBUAT SEOLAH-OLAH ADA RASUAH BERLAKU.+

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA AKHBAR ITU BAGAIMANAPUN, TIDAK MEMPERSOALKAN USAHA OLEH PARA ANGGOTA PASARAN LOGAM LONDON (LME) MENURUNKAN HARGA DENGAN TUJUAN MEMBUAT UNTUNG SEKALIPUN IA MENJEJASKAN INDUSTRI TIMAH MALAYSIA.

MALAYSIA MEMASUKI PASARAN TIMAH BAGI MENAIKKAN HARGA TIMAH DAN MUNGKIN MEMBUAT SEDIKIT KEUNTUNGAN DALAM PROSES ITU TETAPI LME MENGUBAH PERATURANNYA MEMBENARKAN PARA ANGGOTANYA MENGIKTIRAF KONTRAK MEREKA DAN KERANA ITU MENYELAMATKAN PARA PEMBUAT SPEKULASI DARIPADA KERUGIAN BESAR.

BELIAU BERKATA PARA PEMBUAT SPEKULASI BERMAIN DENGAN KOMODITI SEHINGGA IA BOLEH MENJEJAS EKONOMI SESEBUAH NEGARA. HARUSKAH KERAJAAN BERDIAM DIRI.

KERAJAAN TIDAK AKAN CAMPURTANGAN JIKA ORANG-ORANG BERKENAAN BERSIKAP ADIL.

LAPORAN ITU JUGA MEMPERSOALKAN TENTANG KEBIJAKSANAAN MELAKSANAKAN DASAR EKONOMI BARU (DEB) SEOLAH-OLAH DEB TELAH MENGAKIBATKAN KESULITAN YANG DIHADAPI OLEH NEGARA SEKARANG.

+ ADAKAH PEMBATALAN DEB AKAN MEMBAWA KEMAKMURAN KEPADA MALAYSIA?+ TANYA BELIAU. -- LAGI  
1106MST 01 10 86

D896

U B538 AAB  
MAHATHIR - AKHBAR 6 NEW YORK  
(I)

+ KAMI MENGHADAPI KESULITAN BUKAN KERANA DASAR ITU. TETAPI KERANA HARGA KOMODITI TERTEKAN DAN IA TIDAK KENA-MENGENA LANGSUNG DENGAN OPERASI KAMI KE ATAS PASARAN TIMAH.

+ JIKA ADA RASUAH BERI KAMI BUKTINYA DAN KAMI AKAN SIASAT.+  
PERDANA MENTERI JUGA MENJELASKAN DENGAN PANJANG LEBAR MENGENAI HUBUNGAN KAUM DI MALAYSIA DAN SOAL KESTABILAN BERKAITAN DENGAN HUBUNGAN KAUM DAN BAGAIMANA KONSEP BARISAN NASIONAL TELAH DAPAT MEMPUK HUBUNGAN BAIK ANTARA KAUM.

BELIAU BERKATA SEHINGGA 1982 MALAYSIA TELAH MENGALAMI PERTUMBUHAN TAHUNAN SEBANYAK 8 PERATUS. PARAS PERTUMBUHAN SEPERTI ITU TIDAK BERLAKU BEGITU SAJA TETAPI WUJUD MENERUSI DASAR DAN PENGURUSAN OLEH KERAJAAN.

BEBERAPA SOALAN MENGENAI PELABURAN DAN KEADAAN DI MALAYSIA TELAH JUGA DIKEMUKAKAN KEPADA BELIAU OLEH HADIRIN.

BEBERAPA SOALAN MENYENTUH SAMA ADA MALAYSIA AKAN BERTUKAR MENJADI SEPERTI KERAJAAN REVOLUSIONERI IRAN, HUBUNGAN KAUM, PENSWASTAAN DAN KEMUNGKINAN MEWUJUDKAN SEBUAH PASARAN BERSAMA ASEAN.

MENGENAI HUBUNGAN KAUM, BELIAU BERKATA: +DI MANA TERDAPAT PELBAGAI KAUM, TERDAPAT KECENDERONGAN WUJUDNYA KETEGANGAN KAUM TETAPI KAMI TELAH DAPAT MENGENDALIKAN MASALAH KAUM ITU LEBIH BAIK DARIPADA ORANG LAIN.+

KERAJAAN, KATANYA, DIWAKILI OLEH KAUM-KAUM UTAMA DAN APA JUA MASALAH YANG TUMBUL AKAN DIBINCANGKAN SECARA TERTUTUP TANPA DIBAHASKAN SECARA TERBUKA YANG BOLEH MENYEBABKAN PERASAAN EMOSI YANG TIDAK PERLU. -- LAGI

1120MST 01 10 86

D900

U B542 AAB  
MAHATHIR -- AKHBAR 7 NEW YORK

(I)

MENGENAI PASARAN BERSAMA ASEAN, BELIAU BERKATA GABUNGAN ITU  
WUJUD BUKAN UNTUK SUSUNAN PASARAN BERSAMA TETAPI WUJUD BERIKUTAN  
USAHA UNTUK MENGATASI MASALAH POLITIK YANG DIHADAPI OLEH  
NEGARA-NEGARA YANG BERJIRAN ITU.

BELIAU BAGAIMANAPUN BERKATA SOAL MENGAGIH-AGIHKAN INDUSTRI DI  
BAWAH PROGRAM PERLENGKAPAN ASEAN AKAN DIBINCANGKAN DI PERSIDANGAN  
KEMUNCAK ASEAN AKAN DATANG YANG DIJADUALKAN TAHUN DEPAN.

MENGENAI BENTUK KERAJAAN REVOLUSIONARI IRAN, DATUK SERI DR  
MAHATHIR BERKATA BELIAU TIDAK NAMPAK KECENDERONGAN KE ARAH ITU  
KERANA ISLAM ADALAH AGAMA YANG PENUH DENGAN SEMANGAT TOLAK ANSUR. -  
BERNAMA.

1125MST 01 10 86